



Aku & Buku

Editors:
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



Aku & Buku




Editor:

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

Penerbit:

UiTM Cawangan Kedah

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.

eISBN: 978-967-2948-81-0

Diterbitkan oleh:

Universiti Teknologi MARA
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

Editor:

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



Kandungan

Tajuk

Muka Surat

Kata Pengantar

Kata Aluan

Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai





Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Illahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

Unit Penerbitan

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah
Nurfarisya Hafiz
Berlian Nur Morat
Nor Asni Syahriza Abu Hassan
Syakirah Mohammed
Hajjah Sharina Saad
Mas Aida Abd Rahim
Syazliyati Ibrahim
Abdul Majeed Ahmad

Penyunting

Berlian Nur Morat

Pereka Layout & Grafik

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



Kertas-kertas yang Harum

Rudza Hanim Mohamed Anuar

UiTM Johor

Kenapa Aku Membaca

Aku dibesarkan dalam sebuah keluarga sederhana. Sejak dari kecil, ibu dan bapakku telah mengasuh minat kami adik beradik untuk membaca buku sekurang-kurangnya dua muka surat sehari. Kami akan menghabiskan masa bersama di ruang tamu selepas waktu Isyak untuk membaca bersama. Ketika ini, masing-masing akan leka dengan bahan bacaan yang dipilih. Rutin itu aku lakukan sehingga aku menamatkan alam persekolahan dan memasuki alam universiti.

Pada hujung minggu pula bapakku akan menghantar aku dan adik-adik ke perpustakaan. Kebiasaannya kami akan berada di sana sekitar tiga jam untuk mencari, meminjam dan membaca buku. Menjadi kelaziman bagi aku ketika itu mencium wanginya kertas buku. Aku akui sehingga kini aku masih tertarik dengan wanginya kertas buku. Aku pasti akan menciumnya setiap kali membeli buku baharu. Ia satu perasaan yang tidak dapat digambarkan tetapi begitu menyenangkan.

Pada awalnya aku tidak mengerti kenapa kita perlu membaca buku. Bukankah mata pelajaran yang kita belajar di sekolah sudah cukup untuk menjadikan kita seorang yang berilmu? Aku pernah bertanyakan soalan ini kepada ibuku. Ibu tersenyum sambil menerangkan kepada aku bahawa di dalam Islam, ayat pertama yang Allah turunkan kepada Rasulullah ﷺ ialah Iqra' yang membawa maksud bacalah! Ini membawa erti untuk menjadi umat yang terbaik, kita perlu terus membaca dan mencari ilmu. Ilmu yang kita miliki hasil dari sumber pembacaan yang baik akan sentiasa menemani kita. Ia menjadi panduan dalam menjalani kehidupan di dunia ini seterusnya menjadi asbab untuk kita masuk ke syurga-Nya nanti.

Meniru Tabiat Insan Hebat

Ibu juga pernah menerangkan kepada aku bahawa orang-orang yang berjaya di dalam dunia kebanyakannya mempunyai tabiat yang sama, iaitu membaca buku. Mereka mempunyai kegilaan terhadap buku yang seolah-olah tidak dapat ditahan-tahan. Ibu menceritakan kisah seorang pahlawan hebat bernama Alexander of Macedonia atau lebih dikenali sebagai Alexander the Great yang gemar membaca. Di sebalik kehebatan beliau di medan perang di waktu siang, pada kala malamnya beliau akan membaca sebuah karya Greek Kuno yang bertajuk Illiad yang ditulis oleh Homer.

Benarlah kata pepatah Inggeris *"you are what you read"*. Menariknya tentang Alexander, beliau akan meletakkan karya ini di bawah bantalnya setiap malam sebelum tidur. Alexander mempelajari teknik peperangan dari karya ini menjadikan beliau seorang pahlawan yang hebat. Bermula dari situlah, aku meniru gaya Alexander di mana setiap malam aku akan membaca sekitar dua halaman sebelum menutup lampu dan meletakkan buku yang aku baca di bawah bantal. Pada awalnya aku hanya meniru gaya Alexander tetapi lama-kelamaan ia menjadi satu

amalan yang tidak dapat aku tinggalkan sehingga kini walaupun sudah berumah tangga. Kelakar jika difikirkan semula tetapi kisah inilah yang menjadi permulaan aku mendekati diri dengan buku sehingga kini.

Aku masih ingat, ayah pernah menghadiahkan aku sebuah buku karya William Shakespeare berjudul Hamlet. Sebelum itu, aku hanya mengenali Shakespeare dari namanya yang mahsyur tetapi belum pernah membaca buku-bukunya. Walau bagaimanapun satu perkara yang aku masih ingat pada waktu itu, nama Shakespeare begitu hebat sekali dan karya-karyanya sering disebut-sebut sebagai karya yang luar biasa. Sesuai dengan umurku ketika itu yang baru memasuki 13 tahun, aku hanya membacanya sahaja walaupun pada hakikatnya aku tidak begitu mengerti apa yang diceritakan.

Ketika dewasa barulah aku mengetahui bahawa karya Shakespeare dibaca oleh individu-individu hebat dalam dunia seperti Tun Dr Mahathir dan Nelson Mandela. Nelson Mandela misalnya ketika di penjara selama lebih 20 tahun, beliau dikatakan telah menyeludup masuk buku Shakespeare ke dalam penjara. Mandela dan rakan-rakannya di dalam penjara bergilir-gilir membaca buku Shakespeare sehingga mereka begitu terkesan dan kerana ia memberi inspirasi kepada mereka menjadi seorang pejuang di era Apartheid di Afrika.

Cabaran Membaca Masa Kini

Pada masa kini, membaca buku mungkin dianggap sebagai satu hobi untuk mengisi masa lapang yang terluang lazimnya pada hujung minggu selepas lima hari disibukkan dengan kerja yang tidak pernah putus. Ramai dalam kalangan kenalan aku memberikan alasan mereka tiada masa untuk membaca kerana disibukkan dengan tugas dan aktiviti luar. Walau bagaimanapun aku sedikit sangsi dengan alasan yang diberikan kerana kita bukan tiada masa untuk membaca tetapi kita sebenarnya mempunyai pilihan seperti mana kita “mengabdikan diri” kepada media sosial dan lain-lain.

Ramai dalam kalangan kita akan menghabiskan masa berjam-jam melayari media sosial berbanding memegang sebuah buku. Statistik dikeluarkan Data Reportal pada tahun 2023 menunjukkan rakyat Malaysia menghabiskan masa enam jam sehari untuk melayari media sosial. Bagi aku ini adalah cabaran yang paling besar untuk diri sendiri dan bagaimana untuk menerapkan budaya membaca buku kepada anak-anak generasi kini.

Kita perlu mengakui bahawa kita tidak mampu untuk menolak kemajuan teknologi tetapi kita berupaya untuk mengawal penggunaannya. Aku masih berprinsip bahawa buku akan membawa kita lebih berjaya pada masa hadapan berbanding media sosial yang tujuannya hanya untuk bersosial. Antara langkah yang aku ambil untuk mendisiplinkan diri untuk terus membaca buku ialah dengan menghadkan penggunaan media sosial melalui aplikasi kawalan yang boleh dimuat turun di Google Play Store. Aku tetapkan masa untuk aku melayari media sosial hanya sekitar beberapa minit sehari. Aplikasi ini akan menyekat penggunaan media sosial selepas melepasi masa yang ditetapkan.

Untuk mengimbangi cabaran dalam pembentukan anak-anak, aku akan membawa anak-anak ke kedai buku sebulan sekali untuk membeli buku yang mereka minat. Aku akan menyuruh setiap seorang perlu memilih dua judul buku dan mereka perlu menghabiskan bacaan tersebut sebelum bulan berikutnya. Pada hujung minggu, aku akan memuat turun buku elektronik (ebook) yang disediakan Perpustakaan Negara Malaysia untuk dibaca oleh anak-anak. Kemudahan pinjaman *ebook* ini disediakan secara percuma.

Selain itu, untuk diri sendiri, aku juga menetapkan sasaran untuk membaca sekurang-kurangnya satu jam atau dua bab dalam sebuah buku sehari. Ini bagi mengekalkan momentum untuk membaca dua judul buku sebulan. Ini antara kaedah yang aku gunakan

untuk mendisiplinkan diri aku dan anak-anak untuk terus membaca buku.

Belajar daripada Sejarah

Aku seringkali ditanya buku genre apakah kegemaran aku? Aku suka membaca buku-buku kategori bukan fiksi dengan pengkhususan kepada subjek sejarah. Aku memilih sejarah kerana ramai dalam kalangan individu hebat dunia memberikan tips yang sama agar membaca buku-buku sejarah. Sebut sahaja nama mereka sama ada Henry Kissinger, Joseph Stalin, Benjamin Netanyahu, Mao Zedong dan Tun Dr Mahathir, mereka semuanya memberi saranan untuk membaca buku-buku sejarah. Aku menerima saranan mereka dengan membaca buku-buku sejarah dunia dan negara. Tidak menafikan, buku-buku sejarah yang aku baca banyak membantu aku untuk bijak merancang pada masa hadapan. Seperti kata mereka, sejarah adalah guru terhebat untuk memandu perjalanan hidup kita pada masa hadapan. Ahli falsafah Amerika terkenal, iaitu George Santayana pernah berkata "*Those who do not learn history are doomed to repeat it*". Selain itu, bacaan berunsurkan sejarah ini akan membawa kita mengembara jauh ke zaman ketika berlakunya sesuatu peristiwa. Ia membuatkan kita rasa benar-benar berada di dalam zaman itu.


Motivasi Diri

Selain buku sejarah, aku juga meminati buku-buku yang berbentuk motivasi dan kegamaan. Buku-buku ini akan menjadikan aku berasa lebih bersemangat dan banyak membantu untuk keluar daripada masalah yang dihadapi. Walau bagaimanapun aku agak selektif dalam memilih buku-buku dari genre ini kerana aku menekankan kepada ketepatan fakta dan rujukan dan tidak hanya memainkan emosi. Buku-buku keagamaan seringkali mengingatkan aku tentang tujuan asal kehidupan kita sebagai makhluk Allah di muka bumi selain memandu kita untuk mempersiapkan bekal untuk dibawa ke alam akhirat nanti.

Aku tidak akan meninggalkan buku genre ini dalam senarai bahan bacaan kerana merasakan kehidupan aku seolah-olah tidak lengkap sekiranya tidak membaca buku-buku genre ini. Analogi aku mudah, kehidupan kita di dunia ini ada pasang surutnya dan akan sentiasa diuji. Ketika diuji kita memerlukan sokongan daripada insan-insan yang berada dekat dengan kita atau motivasi yang dapat menenangkan diri kita.


Motivasi inilah yang aku cari daripada buku-buku keagamaan yang dibaca. Antara buku agama yang begitu memberi kesan terhadap diri aku ialah buku "La Tahzan" tulisan Dr. 'Aidh al Qarni dan "Muhammad", karya Martin Lings. Kedua-dua buku ini begitu memberi kesan dalam kehidupanku dan menguatkan cintaku kepada junjungan besar Rasulullah ﷺ

Beranjaknya masa dan umur yang semakin dimamah usia, harapan aku hanya satu. Mahu terus membaca buku sehingga mata ini kabur dan tidak lagi mampu melihat cahaya. Aku tidak sabar mahu meniti usia persaraan untuk menghabiskan sebanyak mungkin masa untuk membaca buku.



Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

